



PERTAHAN EMAS ... Shariff (empat dari kanan) bersama pengurus-pengurus pasukan kontinjen UMS-KAL yang akan menyertai Sukan Staf UMS 2012.

Kontinjen UMS-KAL mahu pertahan empat emas

UB 08-12-2011 A16

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mahu mempertahankan empat pingat emas yang dimenangi pada Kejohanan Sukan Staf UMS ke-11 yang lalu.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata, empat emas itu diperolehi melalui acara dart, bola tampar lelaki dan wanita serta bola jaring.

Katanya, sempena Kejohanan Sukan Staf UMS ke-12 yang akan diadakan pada 27 hingga 29 Januari 2012, semua pengurus pasukan berazam mahu mengekalkan pingat emas, perak dan gangsa yang dimenangi sebelum ini.

Beliau berkata, atlet UMS-KAL akan menjalani latihan

lebih awal bagi memastikan persiapan kontinjen itu berjalan lancar sekaligus mampu memberikan saingan kepada pihak lawan.

“Atlet UMS-KAL perlu mengadakan persiapan lebih awal termasuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan tempatan bagi memantapkan kontinjen pulau bebas cukai itu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada mesyuarat bersama pengurus-pengurus pasukan di Bilik Seminar, Bangunan Menara UMS-KAL, kelmarin.

Pada mesyuarat itu, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dilantik sebagai Ketua Kontinjen manakala Pensyarah Kanan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan

Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal sebagai Timbalan Ketua Kontinjen.

Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil.

Shariff berkata, kontinjen UMS-KAL akan menyertai semua acara seperti bola sepak, bowling, pool, tenis, sepak takraw, badminton, karom, hoki, catur, golf, ping pong, tarik tali, karaoke / kugiran, futsal dan olahraga.

Oleh itu, beliau menyarankan semua kakitangan dan pensyarah SPKAL dan SSIL menyertai sesi latihan pemilihan untuk mencari pemain yang terbaik bagi mewakili kontinjen UMS-KAL ke Kejohanan Sukan Staf UMS tahun depan.